



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PEMBANTU PEGAWAI LUAR KEMAJUAN PERUMAHAN (D.3-4 EB.5)
JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEMBANTU PEGAWAI LUAR KEMAJUAN PERUMAHAN
JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
D.3-4 EB.5 (\$900 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 - \$1,825 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang Pembinaan Bangunan atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Kemajuan Perumahan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.
2. Berkemahiran dalam menggunakan komputer.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu membuat siasatan dan penyelidikan tanah-tanah pemohon-pemohon Skim Perumahan Negara yang merayu semula kerana memiliki tanah-tanah bergeran atau Tanah Tumpang Sementara (LTS) dan seterusnya menyediakan laporan untuk dibawa ke mesyuarat jawatankuasa berkenaan;
2. Menyediakan persuratan kepada pemilik rumah yang telah menjelaskan bayaran balik pinjaman perumahan sepenuhnya;
3. Menerima pertanyaan orang ramai mengenai dengan permohonan Skim Perumahan Negara;



4. Menyediakan dokumentasi dan persuratan berkaitan pendaftaran dan pengeluaran geran-geran tanah untuk dihadapkan ke Jabatan Tanah untuk didaftar;
5. Menyediakan data pemohon yang akan dimesyuaratkan dalam mesyuarat meneliti sebelum diperuntukan rumah;
6. Membantu menyelaras kerja-kerja berhubung kait dengan majlis taklimat, pengundian rumah dan menjadi urus setia peserta bagi Majlis Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah;
7. Mengeluarkan dan menerima borang Permohonan Skim Perumahan Negara; dan
8. Memasukkan dan mengemaskini maklumat pemohon yang telah diperkenankan ke dalam data.